

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PDP 474 - Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia

Masa : [3 jam]

Kertas ini dibahagi kepada dua Bahagian - Bahagian A dan Bahagian B. Calon-calon diperlukan menjawab kedua-dua Bahagian.

Bahagian A

Calon-calon diwajibkan menjawab KEDUA-DUA soalan daripada Bahagian ini.

1. Berasaskan 2 teori utama pembelajaran bahasa sila anda tunjukkan bagaimana teori-teori ini boleh diaplikasikan dalam Pengajaran Bahasa Melayu.

[30 markah]

2. Secara ringkas huraikan konsep-konsep berikut:

- (i) Kaedah eklektik
- (ii) Induksi set
- (iii) Nilai-nilai murni
- (iv) Pendekatan proses
- (v) Pengajaran terancang
- (vi) Pelajaran bacaan secara terus

[30 markah]

Bahagian B

Jawab mana-mana DUA soalan daripada Bahagian ini.

3. "Aspek lisan sering diabaikan pada peringkat sekolah menengah".

Bincangkan kenyataan di atas dan tunjukkan bagaimana anda dapat jadikan pelajaran lisan suatu yang menarik dan berkesan.

[20 markah]

...2/-

4. Bincangkan artikel "Penggunaan Teks Sebagai Bahan Pengajaran Utama Dalam Pelajaran Menulis Karangan" oleh Hj. Mohd Jonit dan rakan-rakan, Jurnal Dewan Bahasa, Disember 1991.

[20 markah]

5. KBSM menekankan konsep bersepadu. Apakah yang anda faham dengan konsep bersepadu ini? Bagaimanakah anda dapat merealisasikan konsep ini dalam pengajaran Bahasa Melayu.

[20 markah]

- oooOooo -